



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GOVT STEPS UP EFFORTS TO BOOST FOOD SUPPLY, NATION, THE STAR, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	HOLISTIC PEST PLAN IMPROVES PADI YIELD, EVENTS, THE STAR, M/S – 7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	INITIATIVE TO SEND HARUMANIS MANGOES DIRECTLY TO CONSUMERS, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	AGROBANK LANCAR FUNANCIAL DAY 2026, PERKASA LIBAT URUS PELANGGAN, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 28	AGROBANK
5.	MORATORIUM BAYAR PINJAMAN LEGAKAN PETANI, TERENGGANU, HAKAKAH, M/S – 18	LAIN – LAIN
6.	RICE THAT REFLECTS HERITAGE OF THE LUN BAWANG PEOPLE, EVENTS, THE STAR, M/S – 6	
7.	30PC OF PADI FARMERS TO SKIP PLANTING SEASON, SAYS GROUP, NEW, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	
8.	30 PERATUS PESAWAH DIJANGKA 'BEREHAT' AKIBAT KENAIKAN KOS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 5	
9.	SMART ECO-PV BOAT BANTU NELAYAN PESISIR PANTAI, JIMAT KOS DIESEL RM150 SEBULAN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	
10.	5,000 IKAN TILAPIA MATI AKIBAT CUACA PANAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
11.	BAHANA CUACA PANAS, LEBIH 5,000 TILAPIA MATI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13	
12.	13 NELAYAN ASING DITAHAN CEROBOKH PERAIRAN NEGARA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 17	
13.	SANGKAR KECIL UNTUNG BESAR!, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	THE STAR	NATION	5

Govt steps up efforts to boost food supply

KUALA LUMPUR: Measures to ensure the country's food supply remains stable and sufficient will be strengthened amid the global supply crisis, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).

"The government will continue to take the necessary steps to ensure the country's food supply remains sufficient and secure.



"Efforts are being taken to further strengthen food security, including increasing food stockpiles, boosting the national food sector and diversifying supply sources," he said in a Facebook post.

He added that the matter was among those discussed at the Cabinet meeting chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday, reported Bernama.

Mohamad also urged the public to practise prudence and avoid waste as a collective effort in addressing current challenges.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	THE STAR	EVENT	7

PENANG

Holistic pest plan improves padi yield

Penanti site serves as observation plot for agencies to monitor planting performance

By LAI KHAN HOONG
north@thestar.com.my

A SUSTAINABLE strategy called holistic integrated pest management (HIPM) has given new life to a *padi* plot in Seberang Perai, Penang.

The Penanti plot which saw yields collapse to one tonne per hectare in 2024 has rebounded to between 3.5 and four tonnes per hectare in its latest harvest under HIPM.

The recovery, recorded in the first planting season of this year on a 12.15ha site in Kampung Permatang Rotan, is now being monitored under a three-season observation programme led by the Agriculture Department.

The site cultivated by a third-generation farmer was producing up to 7.5 tonnes per ha in 2021, before the yield declined sharply due to irrigation issues and pest pressure.

This eventually led to a halt in planting activities.

The plot's yield has now recovered to levels higher than the surrounding Penanti area, where recent averages were estimated at 1.5 to two tonnes per ha.

During a site visit, Agriculture Department director-general Datuk Nor Sam Alwi announced that the Kampung Permatang Rotan site would serve as a commercial observation plot for the next three planting cycles.

The observation period would



Nor Sam (black jacket) with farmers and team members during the site visit to the padi plot in Kampung Permatang Rotan in Seberang Perai. — Courtesy photo

allow relevant agencies to monitor performance under field conditions and support further assessment of the approach, she added.

Nor Sam also called for coordinated support from agencies, including Integrated Agricultural Development Area (IADA), Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

She highlighted the potential role of organic-based methods in strengthening long-term food security.

The initiative is aimed at improving soil conditions, plant health and nutrient uptake while reducing reliance on chemical pesticides.

The programme is being implemented by the Agriculture Department with agritech companies.

Initiative to send *Harumanis* mangoes directly to consumers

➤ 'Farm to City' drive aims to offer fresher produce and boost income of farmers, says Fama DG

■ BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: *Harumanis* lovers in the capital are in for a treat as the prized northern mango makes its way directly from orchards to the city through a special "Farm to City" promotion, offering fresher produce and better value for consumers.

Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) director-general Abdul Rashid Bahri said the initiative not only opens up direct market

access for entrepreneurs, but also helps boost the income of farmers by cutting out middlemen.

"For this round, about five tonnes of *Harumanis* mangoes are expected to be sold, with an estimated sales value of about RM150,000, as the programme is held at a strategic location in the heart of Kuala Lumpur with a high concentration of workers and consumers.

"This allows buyers to purchase directly from farmers without having to place orders from afar, potentially enjoying better prices or discounts during the few days of the promotion," he said after launching the *Harumanis* Sales and Promotion Programme yesterday.

He said Fama's main objective in organising the promotion is to ensure the seasonal delicacy from the northern region reaches urban consumers at its peak.

"*Harumanis* mangoes are grown mainly in Perlis and northern Kedah. While they can also be

cultivated elsewhere, the taste is not comparable to those from Perlis.

"Through campaigns such as this, we aim to raise awareness that the *Harumanis* season has begun.

"So, do not miss the opportunity to enjoy this premium fruit while it is available, as supply is limited and expected to be depleted within about a month."

He emphasised that Fama's focus goes beyond sales, extending to promotion and consumer awareness, especially as many Perlis growers now market their produce directly online via platforms such as TikTok and Facebook.

Fama also supports sales through Agrobazaar Online, with about 10 sellers offering deliveries within three days and a limited-time RM10 discount per box, bringing prices to about RM100 for 3kg.

"In terms of pricing during the programme, we are seeing a range of between RM90 and RM120 for 3kg boxes, depending on factors such as

location, ripeness and quality.

"This range is still considered acceptable. Price differences may also depend on whether the fruit is self-collected or delivered," said Abdul Rashid.

He added that this year's *Harumanis* season is expected to last slightly longer due to prolonged hot weather, potentially extending until the end of June, with a marginal increase in production compared with last year.

"However, consumers are encouraged to buy early in the season as quality is typically best during the peak period.

"We also do not expect issues of oversupply as *Harumanis* is highly seasonal and limited to specific regions. The short harvesting window ensures prices remain stable."

He said one of the key challenges remains ensuring delivery within three days as the mangoes are sent in semi-ripe condition and require time to ripen properly, adding that logistics providers have been able to meet the requirement.

Consumers are advised to check the fruit upon arrival.

Fama also enforces the 3P regulation - grading, labelling and packaging - in which sellers are required to clearly label the origin of the fruit to prevent misleading claims, and enforcement action can be taken against those who violate these rules.

"Consumers may also lodge complaints with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry if they encounter scams or misleading practices. No major scam cases have been reported, but we remain vigilant," said Abdul Rashid.

He encouraged consumers to make the most of the short *Harumanis* season, support local farmers and continue consuming local fruits, adding that the produce is also exported to Brunei, Sabah and Sarawak, particularly in 3kg packaged boxes.

The *Harumanis* Sales and Promotion Programme held at Busana @ Menara Mara in Kuala Lumpur, which started on Monday and runs until tomorrow, marks the fourth edition of the initiative aimed at promoting *Harumanis* mangoes in the city and reaching more buyers in the Klang Valley.



Abdul Rashid said this year's *Harumanis* season is expected to last slightly longer due to prolonged hot weather, potentially extending until the end of June. — ADAM AMIR HAMZAH/THESUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	SINAR HARIAN	BISNES	28

Agrobank lancar FUNancial Day 2026, perkasa libat urus pelanggan

KUALA LUMPUR - Agrobank bakal menggerakkan rangkaian cawangannya di seluruh negara menerusi pelancaran program FUNancial Day 2026, satu inisiatif berskala besar yang memberi tumpuan kepada pengukuhan hubungan pelanggan serta pertumbuhan perniagaan.

Program selama dua hari itu akan berlangsung pada 28 dan 29 April, melibatkan 143 cawangan Agrobank di seluruh negara yang akan diaktifkan sebagai hab inter-aksi kewangan yang lebih dinamik.

Menurut kenyataan bank itu, program berkenaan menyediakan platform menyeluruh kepada pelanggan untuk meneroka pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan, disokong aktiviti di lapangan, khidmat nasihat serta penglibatan interaktif.

"Inisiatif ini dirangka bagi meningkatkan pengumpulan deposit akaun semasa dan simpanan (CASA), menjana peluang pembiayaan, memperkukuh pendapatan berasaskan fi serta mengukuhkan kedudukan Agrobank sebagai institusi kewangan berteraskan komuniti," menurut kenyataan itu.

Antara tarikan utama ialah inisiatif Mega Million 3.0 Raya yang menawarkan peluang memenangi emas seberat 10 gram, sebuah Proton X50 setiap bulan serta hadiah utama berupa Ford Ranger Raptor.

Selain itu, Kempen Peluang Keemasan membolehkan pelanggan membeli emas serendah RM10 dan berpeluang memenangi Honda Vario 125 sebagai hadiah utama.

Program ini turut menampilkan Kempen NextGen untuk golongan belia dengan tawaran eksklusif, serta pembiayaan peribadi AGROCash-i pada kadar rata serendah 2.62 peratus.

FUNancial Day 2026 terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana, usahawan mikro serta komuniti setempat, sejajar usaha Agrobank menggabungkan libat urus pelanggan dengan pertumbuhan perniagaan dalam satu platform berimpak tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	HARAKAH	TERENGGANU	18

Moratorium bayar pinjaman legakan petani

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu mempe-
runtukkan sebanyak RM2.9
juta bagi melaksanakan mo-
ratorium bayaran balik pin-
jaman di bawah Skim Pin-
jaman Modal Tani (SPMT)
bagi membantu meringan-
kan beban kewangan peta-
ni, penternak dan nelayan
di negeri itu.

Pengerusi Jawatankua-
sa Induk SPMT Terengga-
nu, Dato' Dr Azman Ibra-
him berkata, keputusan itu
dibuat selepas mengambil
kira kesukaran yang diha-
dapi golongan terbabit su-
sulan krisis global ketika
ini.

Katanya, mesyuarat ja-
watankuasa induk skim itu
bersetuju memberikan pe-
nangguhan bayaran balik
pinjaman sehingga 12 bulan
bermula Mei depan kepada
semua peminjam.

"Kerajaan negeri priha-
tin dengan kesukaran yang
sedang dihadapi oleh war-
ga tani, penternak dan ne-
layan Negeri Terengganu
dalam situasi krisis global
yang sedang melanda du-
nia sekarang.

"Sehubungan dengan
itu, Mesyuarat Jawatankua-
sa Induk Skim Pinjaman



Dr Azman Ibrahim

Modal Tani Kerajaan Negeri
Terengganu telah memu-
tuskan untuk memberikan
moratorium.

"Pemberian moratorium
ini akan melibatkan tang-
gungan kewangan seba-
nyak kira-kira RM2.9 juta
di pihak kerajaan negeri,"
katanya dalam satu kenya-
taan di sini, pada Rabu.

Azman yang juga Penge-
rusi Jawatankuasa Pertana-
nian, Industri Asas Tani,
Keterjaminan Makanan dan
Komoditi negeri berkata,
semua peminjam SPMT
akan dihubungi urus setia
skim itu dalam masa ter-
dekat bagi urusan lanjut
pelaksanaan moratorium
berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	THE STAR	EVENTS	6

SARAWAK

Rice that reflects heritage of the Lun Bawang people

ADAN rice cultivated in the highlands of Ba'kelalan in northern Sarawak stands as a symbol of heritage and identity for the Lun Bawang community.

Passed down through generations, Adan rice is not merely a staple food but the lifeblood of the Lun Bawang people, reflecting their close relationship with nature.

In efforts to preserve this heritage, farmers in Ba'kelalan have taken proactive steps by practising sustainable agriculture in collaboration with WWF-Malaysia through the System of Rice Intensification (SRI).

WWF-Malaysia community engagement and empowerment officer Nadya Cindy Wembly said the SRI method, introduced in 2017, not only helped conserve the environment but also improved crop yields.

"At the initial stage, only 12 farmers were willing to take up the challenge of joining this pilot project with financial support from a local bank.

"In addition, WWF-Malaysia appointed an SRI expert, Kapt (Rtd) Zakaria Kamantasha, who is also founder of SRI Lovely Organic Farm in Kedah, to train farmers in Ba'kelalan," she told Bernama.

By 2019, Nadya said, farmers began to see positive changes as crops became healthier, with increased padi yields achieved without the use of chemicals.

"The approach has also helped raise farmers' incomes while reducing pressure to clear new forest areas for padi cultivation and minimising river pollution.

"Despite facing challenges during the Covid-19 pandemic, farmers remained resilient by continuing their efforts through community-based training with ongoing support from WWF-Malaysia."

Nadya said Adan rice received the Geographical Indication (GI) recognition from Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) in 2022.

She said the recognition was important in safeguarding the authenticity and uniqueness of Adan rice, which was closely linked to its place of origin and continuous efforts of the Lun Bawang community in preserving their agricultural heritage.

"By 2025, more farmers had joined the initiative, with over 100 trained in SRI methods and 12 Ba'kelalan farmers successfully obtaining the Malaysian Good Agricultural Practices certification.

"We have also implemented strategic collaborations to help market Adan rice to a wider audience, while supporting conservation efforts through contributions from each sale," said Nadya.

Today, Adan rice is recognised as a premium heritage product that reflects the land, culture and agricultural legacy of Sarawak, she added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

RISING COSTS

30pc of padi farmers to skip planting season, says group

ALOR STAR: About 30 per cent of padi farmers in the country are expected to skip the new planting season due to rising operational costs, said Malaysian Padi Farmers Association.

Its chairman, Abdul Rashid Yob, said yesterday many of the estimated 200,000 farmers were struggling with higher costs, particularly from diesel price hikes.

He said some farmers chose to halt planting while others pivoted to alternative crops, such as corn, vegetables or oil palm.

"This 30 per cent estimate includes farmers who are taking a break, switching crops or converting plots into fish ponds.

"Some are planting padi only for personal consumption. For instance, a farmer with one hectare might plant only a quarter of the plot for self-sustenance.

"Given the 600,000ha of padi fields nationwide, the impact on total production will be significant."

Rashid added that many farmers were unable to rent machinery and buy fuel due to the spike in costs.

"Ploughing costs have increased by over 50 per cent. When diesel prices fluctuate weekly, farmers and machinery operators also cannot set stable wages, further disrupting the entire production chain."

He said the RM300 per hectare Padi Ploughing Incentive was insufficient to cover the actual field costs.

"The aid does not solve the problem because machinery op-

erators have to purchase non-subsidised diesel. We hope that the government will include agricultural machinery in the Subsidised Diesel Control System so that farmers can enjoy stable prices."

He said as a long-term solution, the government should also consider raising the floor price of padi to RM3,000 per tonne.

"If the floor price is not reviewed, farmers will continue to face losses. We need comprehensive measures, not just short-term incentives," he added.



Supported by the **Malaysian Communications and Multimedia Commission**

30 peratus pesawah dijangka 'berehat' akibat kenaikan kos

Alor Setar: Kira-kira 30 peratus pesawah di seluruh negara dijangka tidak dapat melaksanakan musim tanaman padi baharu susulan peningkatan kos yang semakin membebankan.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSA-WAH), Abdul Rashid Yob, berkata mengikut anggaran semasa, ada kira-kira 200,000 pesawah di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, mereka berdepan tekanan kos operasi, terutama membabitkan kenaikan harga diesel kerana krisis tenaga global, menyebabkan ada pesawah memilih 'berehat' sementara menunggu keadaan pulih, ma-

nakala sebahagian lagi beralih kepada tanaman lain seperti jagung, sayur-sayuran dan sawit.

"Kira-kira 30 peratus pesawah yang berhenti sementara, bertukar tanaman buat kolam ikan padi untuk kegunaan sendiri contoh kalau petani ada sehektar sawah, mungkin dia tanam suku hektar untuk makan sendiri.

"Jika diambil kira keluasan kira-kira 600,000 hektar kawasan sawah di seluruh negara, kesannya memang besar kepada pengeluaran padi," katanya ketika dihubungi, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kos operasi meningkat mendadak menyebabkan ramai pe-

sawah tidak lagi mampu menanggung perbelanjaan, termasuk penggunaan jentera dan pembelian diesel pada harga pasaran.

Katanya, kos membajak misalnya, meningkat sehingga lebih 50 peratus berbanding sebelum ini, sekali gus menekan pendapatan pesawah yang sedia terkecas.

"Bila harga diesel naik turun setiap minggu, pesawah dan pengusahanya jentera tidak boleh tetapkan kadar upah yang stabil, ini menyukarkan keseluruhan rantaian pengeluaran padi.



Abdul Rashid Yob

"Keadaan pesawah, pemilik jentera masing-masing tersepit," katanya.

Mengulas bantuan kerajaan, Abdul Rashid berkata, penambahansertif Pembajakan kepada Pesawah kepada RM300 sehektar masih belum mencukupi untuk menampung kos sebenar di lapangan.

Katanya, bantuan itu tidak menyelesaikan masalah kerana pengusaha jentera masih perlu membeli diesel tanpa subsidi menyebabkan kos terus meningkat dan ditanggung pesawah.

"Jadi, pihak kami berharap kerajaan memasukkan jentera pertanian padi ke dalam Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SK-DS) bagi membolehkan pesawah menikmati harga diesel yang lebih stabil.

"Selain itu, kerajaan juga disarankan mempertimbangkan kenaikan harga lantai padi kepada RM3,000 per tan sebagai penyelesaian jangka panjang bagi menjamin kelangsungan pesawah.

"Kalau harga lantai tidak disemak semula, pesawah akan terus berdepan kerugian. Kita perlukan langkah lebih menyeluruh, bukan sekadar insentif jangka pendek," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	HARIAN METRO	BISNES	27



KETUA Pegawai Operasi Kumpulan dan Ketua Pegawai Kelestarian Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff (lima dari kiri) bergambar di atas bot nelayan yang dipasang panel solar PV.

SMART ECO-PV BOAT BANTU NELAYAN PESISIR PANTAI

Jimat kos diesel RM150 sebulan

Kuala Lumpur

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) terus memperkukuh agenda kelestarian dan keterangkuman kewangannya menerusi peluasan projek *Smart Eco-PV Boat* bagi membantu komuniti nelayan pesisir pantai di Penyabong di Mersing, Johor.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh cabang kewangan sosialnya, Sadaqa House itu membabitkan penyerahan bot nelayan yang dilengkapi sistem solar fotovoltaik (PV) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta

sokongan Lembaga Tabung Haji.

Projek yang dirangka berdasarkan kerangka Pulangan Pelaburan Sosial (SROI) itu membabitkan nilai keseluruhan hampir RM150,000 bagi menyokong 25 nelayan dari kawasan penempatan semula nelayan tempatan.

Menerusi penggunaan teknologi hijau ini, setiap nelayan dijangka mampu menjimatkan kos diesel kira-kira RM150 sebulan, sekali gus mengurangkan perbelanjaan operasi serta menstabilkan pendapatan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam,

Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz berkata, inisiatif itu mencerminkan keyakinan bank bahawa kelestarian perlu diterjemahkan kepada manfaat nyata yang boleh dirasakan oleh komuniti.

“Dengan mengintegrasikan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui dalam operasi harian, kami bukan sahaja mengurangkan kos dan memperkukuh sumber pendapatan nelayan, malah turut memelihara alam sekitar.

“Inisiatif ini membuktikan kewangan sosial Islam boleh digerakkan untuk menghasilkan impak praktikal, berskala dan berma-

ruah bagi komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pelancaran itu adalah susulan projek perintis pada 2024 di Perkampungan Sungai Muka Dua yang menyaksikan pemasangan sistem solar PV pada 21 bot nelayan kategori B40.

Katanya, kerjasama strategik bersama UTM membolehkan Bank Islam menggabungkan pendanaan dengan kepakaran teknikal bagi mempercepatkan peralihan tenaga negara dan pembangunan sosioekonomi yang inklusif.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

5,000 ikan tilapia mati akibat cuaca panas

Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH
WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulla.com.my

BESUT: Seramai 15 penternak ikan sangkar di Kampung Cawat di sini menanggung kerugian apabila ikan tilapia yang diternak mereka mati akibat cuaca panas yang melanda negeri ini, sejak beberapa bulan lalu.

Penternak, Mohd. Sayuti Muda, 40, berkata, mereka sentiasa berdepan risiko kematian ikan apabila berlaku perubahan cuaca dan fenomena alam seperti cuaca panas serta banjir.

Katanya, keadaan itu berlarutan sejak awal Februari lalu apabila ikan-ikan yang diternak mati secara berperingkat dalam tempoh tiga bulan.

"Ikan tilapia ini adalah sejenis ikan air tawar yang hidup di permukaan air, apabila cuaca panas secara tidak langsung mempengaruhi suhu air.

"Sungai di Kampung Cawat ini berdekatan dengan muara dan airnya bercampur dengan air laut. Ketika cuaca panas, penurunan air sungai membuatkan kadar kemasinan air meningkat dan boleh menjejaskan ikan sangkar," katanya ketika ditemui.

Mohd. Sayuti berkata, situ-

asi itu menimbulkan keresahan dalam kalangan penternak kerana setiap hari perlu membersihkan sangkar dan membuang bangkai ikan bagi mengelak berlakunya pencemaran air serta bau.

Katanya, sehingga kini kira-kira 5,000 ekor ikan mati dengan kos perbelanjaan yang dianggarkan hampir RM20,000.

"Sepanjang Sungai Kampung Cawat terdapat kira-kira 350 buah sangkar yang beroperasi menternak beberapa jenis ikan, selain tilapia seperti ikan siakap, siakap merah dan kerapu," katanya.

Seorang lagi penternak, Yuzairie Mat Yusof, 44, berkata, rata-rata ikan yang mati belum mencapai tahap matang untuk dijual, yang mana ia mati seawal tempoh dua minggu selepas memasukkan benih.

"Ikan-ikan ini pembesaran-nya tidak sekata dan ia dituai secara berperingkat. Kemasukan benih biasanya dilakukan apabila melihat kuantiti ikan dalam sangkar berkurang.

"Bagaimanapun, buat masa ini, penternak-penternak terpaksa menangguhkan kemasukan benih baharu kerana bimbang terpaksa menanggung kerugian yang lebih tinggi," katanya.



MOHD. Sayuti Muda menunjukkan ikan tilapia yang mati dalam sangkar ternakannya di Kampung Cawat, Besut, Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	13



PENTERNAK ikan sangkar, Mohd Sayuti Muda, 40, menunjukkan ikan tilapia yang mati disebabkan musim panas di kolam ternakan ikan sangkar di Sungai Cawat, Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut.

BAHANA CUACA PANAS

Lebih 5,000 tilapia mati

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Lebih 5,000 ekor tilapia yang ditenak beberapa individu di Sungai Cawat, Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut di sini mati dipercayai akibat cuaca panas sejak awal tahun ini.

Penternak ikan sangkar, Yuzairie Mat Jusoh, 44, berkata, seramai 15 penternak ikan mengusahakan 350 sangkar dengan empat jenis spesies ikan iaitu tilapia, siakap, siakap merah serta kerapu di kolam ternakan ikan sangkar di Sungai Cawat, Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut.

Katanya, namun spesies ikan tilapia yang paling terjejas dan mati dalam jumlah banyak disebabkan cuaca panas, peningkatan suhu

kolam serta air masin melebihi air tawar.

"Saya sendiri berdepan kerugian apabila lebih 3,000 ikan tilapia mati secara berperingkat dan terpaksa dibuang hampir setiap hari.

"Benih ikan tilapia ini dimasukkan ke dalam kolam awal tahun ini selepas musim banjir berakhir, namun saya tidak sangka cuaca panas berterusan sejak Ramadan sehingga sekarang.

"Ikan tilapia ini dibela secara sampingan untuk memenuhi pasaran runcit dan dijual dengan harga RM 11 bagi satu kilogram," katanya di kolam ternakan ikan sangkar, Kampung Seri Kemunting, Kuala Besut di sini, semalam.

Katanya, buat masa sekarang dia mengambil langkah untuk membuang

ikan mati

setiap hari supaya tidak menjejaskan

kuiliti ikan yang masih hidup.

Sementara itu, seorang lagi penternak ikan, Mohd Sayuti Muda, 40, berkata, dia mengusahakan kolam ikan sangkar sejak 20 tahun lalu.

"Saya mempunyai 12 sangkar ikan di sini dengan mengusahakan ikan tilapia, siakap serta siakap merah.

"Selain tilapia mati disebabkan cuaca panas, lebih 200 ikan siakap pula mati terkena parasit dan sudah dihantar ke Jabatan Perikanan untuk tujuan siasatan," katanya.

Katanya, mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai risiko termasuk cabaran cuaca tidak menentu seperti musim panas, musim banjir serta penyakit boleh menjejaskan hasil pulangan ternakan ikan.

"Namun, saya teruskan bidang ini kerana minat serta mahu menambah pendapatan keluarga," katanya.



Lebih 200 ikan siakap pula mati terkena parasit



Kamal (berdiri, dua dari kiri) menyoal siasat 13 kru bot nelayan termasuk tekong warga Vietnam yang ditahan mencero boh perairan negara. (Foto Nor Fazlina Abdul Rahim/BH)

13 nelayan asing ditahan ceroboh perairan negara

Bot dikesan guna nombor pendaftaran palsu, kibar Jalur Gemilang

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Pasir Puteh: Taktik licik bot nelayan asing menyamar menggunakan nombor pendaftaran palsu serta mengibarkan bendera Malaysia terbongkar selepas ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan di perairan negara, Sabtu lalu.

Bot nelayan dipercayai dari Vietnam itu ditahan kira-kira 125 batu nautika dari Muara Tok Bali selepas dikesan dalam kea-

daan mencurigakan pada jam 3.30 petang.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Maritim Kamal Mohamad, berkata dalam operasi Ops Damai, Ops Naga dan Ops Pelantar Merah, pihaknya mengesan sebuah bot yang mencurigakan sebelum cuba melarikan diri.

"Sebaik dihampiri, bot itu bertindak agresif dengan membuang peralatan seperti tali, pukut dan tong ke laut serta enggan memberi kerjasama walaupun diarahkan berhenti.

"Bagaimanapun, tindakan pantas anggota operasi, bot itu berjaya dipintas pada kedudukan 125 batu nautika dari Muara Tok Bali," katanya pada sidang media, semalam.

500kg hasil dirampas
Beliau berkata, pemeriksaan mendapati terdapat 13 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia

antara 19 tahun hingga 60 tahun di atas bot berkenaan.

Katanya, bot itu dikesan menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairan negara tanpa kebenaran sah.

"Turut ditemui hasil tangkapan laut seberat 500 kilogram dengan nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan RM1.2 juta. Semua kru juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan lanjut mendapati bot itu menggunakan nombor pendaftaran palsu dari Terengganu, selain mengibarkan bendera Malaysia dan Terengganu sebagai helah mengelak dikesan pihak berkuasa," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

Jasin

PENGELUARAN ARNAB CECAH SETAN SEBULAN

Sangkar kecil untung besar!

Inovasi reka bentuk sangkar dan pengurusan ternakan menjadi pencetus kejayaan seorang pengusaha dan usahawan ternakan arnab pedaging terbesar di negeri ini.

Mohamad Shah Rizal Minhat yang mengusahakan ternakan tersebut berkata penggunaan reka bentuk sangkar yang sesuai sangat penting dalam meningkatkan kadar kelangsungan hidup dan mempercepat tumbesaran anak arnab.

"Sejak bermula secara serius pada 2020, kami buat banyak percubaan pada reka bentuk sangkar kerana ia elemen paling utama dalam memastikan kadar kelangsungan hidup induk dan anak arnab yang dibiak. Bila sangkar terlalu besar, anak kurang menyusu dan kadar kematian tinggi.

"Selepas beberapa kali melakukan percubaan, kami kecilkan saiz bagi induk 0.61 meter x 0.46 meter manakala 'grower' 0.37 meter x 0.30 meter dan kadar hidup didapati meningkat dengan ketara," katanya.

Beliau yang mengusahakan ladang ternak seluas satu ekar di Kesang Pajak, di sini, berkata pendekatan pengasingan satu sangkar bagi setiap arnab juga membantu dalam kawalan penyakit dan pemantauan kesihatan yang lebih berkesan.

"Bila kita asingkan, kita mudah kesan perubahan. Contohnya, kalau makanan yang diberi pada waktu petang tak habis pada keesokan harinya, itu tanda awal arnab tidak sihat seperti kembung, cirit atau dijangkiti kurap dan tindakan boleh diambil dengan segera," katanya yang memiliki kira-kira 600 ekor induk de-

ngan pengeluaran mencecah lebih satu tan sebulan.

Mengenai permintaan daging arnab di pasaran tempatan, Rizal menjelaskan permintaan semakin meningkat sehingga dua ke tiga tan sebulan namun bekalan masih belum mencukupi berikutan jumlah penternak yang terhad selain ketiadaan sijil halal yang menghadkan pasaran.

"(Pada peringkat awal) saya pernah cuba pasarkan ke beberapa pasar raya besar namun soalan pertama yang ditanya adakah saya mempunyai sijil halal.

"Sebab itu saya nekad untuk

memohon sijil halal pada 2022 selepas mendapat sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeS-TI) yang membuka jalan kepada syarikat untuk terus meneroka pasaran arnab di Malaysia," katanya.

Mengulas mengenai potensi ternakan ini, Rizal berkata penternakan arnab pedaging sesuai diusahakan secara kecil-kecilan di kawasan rumah memandangkan kos permulaan rendah dan kitaran pembiakan yang cepat.

"Ramai tak nampak potensi (penternakan) arnab ini. Sebenarnya ternak 10 ekor pun sudah boleh jana pendapatan



BAKA arnab New Zealand White memiliki tumbesaran pantas, metabolisme cekap dan kualiti daging yang baik.

tan. Ia boleh bermula sebagai sumber sampingan dan berkembang menjadi pendapatan utama.

"Saya pilih baka arnab New Zealand White kerana tumbesaran pantas, metabolisme cekap dan kualiti daging yang baik dan dikacuk dengan baka Californian yang berbandan gempal dan bulu berkualiti. De-

ngan kombinasi ini, saya mendapat arnab yang berpotensi tinggi bagi pasaran komersial.

"(Baka ini) bukan sahaja rintang kepada penyakit tetapi tempoh bunting hanya sekitar 30 hari dan mampu beranak sehingga enam kali setahun, selain boleh dijual seawal usia 60 hari dengan berat mencecah kira-kira dua kilogram," katanya.



MOHAMAD Shah Rizal memberi arnabnya makan daun segar ketika ditemui di ladang ternakannya di Kampung Pondok Kempas, Kesang Pajak.